

**TEKS UCAPAN**  
**DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN STAR SANCTUARY**  
**SEBERANG PERAI PHOTOGRAPHY AWARDS 2016**  
**(SSSPP)**  
**DAN PENGHARGAAN BAGI KOLABORASI**  
**BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL (BFF) 2016**  
**25 OGOS 2016 (KHAMIS), 11:30 PAGI**  
**AUDITORIUM MPSP**

---

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha LAr. Dr.Mustafa Kamal Mohd Shariff, *FILAM*  
*Chairman, Corporate Social Responsibility, Star Sanctuary Group*

Yang Dihormati Barisan Ahli-Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud  
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha LAr. Amos Ng  
Ketua Pegawai Eksekutif Star Sanctuary Group

Barisan Penaja  
Bagi Kolaborasi Butterworth Fringe Festival 2016

Barisan Pemenang

*Star Sanctuary Seberang Perai Awards 2016*

Ketua-ketua Jabatan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Para Wartawan

Seterusnya tuan-puan yang dihormati sekalian

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam Majlis Penyampaian *Star Sanctuary Seberang Perai Awards 2016 dan Penghargaan Kolaborasi Butterworth Fringe Festival 2016*.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada barisan penaja yang telah berkolaborasi dalam menjayakan Butterworth Fringe Festival yang telah diadakan pada 13 dan 14 Ogos 2016 yang lalu. Seterusnya, barisan pemenang *Star Sanctuary Seberang Perai Photography Awards 2016*, tuan-tuan dan puan-puan yang turut sudi hadir bagi menjayakan majlis penyampaian hadiah dan penghargaan pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Star Sanctuary Seberang Perai Photography (SSSPP) Awards 2016 adalah *Program Corporate Social Responsibility (CSR)* oleh Star Sanctuary Land Sdn Bhd. Program ini dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama *Star Sanctuary Land Sdn Bhd* selama 5 tahun bermula 2016 sehingga 2020. Objektif utama bagi penganjuran SSSPP Awards 2016 adalah untuk memberi peluang kepada komuniti Seberang Perai khususnya untuk berkarya melalui fotografi. SSSPP Awards 2016 adalah bertemakan ALAM SEMULAJADI DI SEBERANG PERAI. Pemilihan tema SSSPP Awards 2016 adalah *My Pantai Bersih* dengan memposisikan #MyPantaiBersih sebagai *hashtag* di media sosial yang telah diadakan 15 April 2016 sehingga 15 Julai 2016 yang lalu. Untuk makluman semua juga, SSSPP Awards adalah salah satu pengisian program di bawah Pelan Butterworth Baharu yang wujud sebagai pemangkin dalam merencanakan pembangunan ekonomi di Konurbasi Wilayah Utara khususnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Penganjuran Star sanctuary Seberang Perai Photography Awards Awards 2016 telah menerima 607 penyertaan terdiri daripada empat kategori yang dipertandingkan, iaitu :

- i. Kategori Pelajar Sekolah-sekolah Seberang Perai menerima 77 penyertaan
- ii. Kategori Penduduk Seberang Perai menerima 50 penyertaan
- iii. Kategori Professional 33 penyertaan dan
- iv. Kategori Laman Sosial Instagram telah menungguli dengan menerima 447 penyertaan

MPSP selaras dalam mempromosikan pelancongan tempatan, pertandingan fotografi ini merupakan salah satu mekanisme dalam memperkenalkan tempat-tempat tarikan di Seberang Perai contohnya Pantai Bersih. Semoga inisiatif ini akan membawa impak yang positif kepada penduduk Seberang Perai khususnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Untuk makluman, barisan juri yang bertungkus lumus melaksanakan penjurian bagi *Star Sanctuary Seberang Perai Photography Awards 2016* adalah terdiri daripada :

- i. Yang Berusaha LAr. Dr. Mustafa Kamal Mohd Shariff, *FILAM Chairman, Corporate Social Responsibility, Star Sanctuary Group*
- ii. Prof. Madya LAr. Dr. Osman Mohd Tahir  
Presiden Institut of Landscape Architect Malaysia juga merupakan Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia

- iii. Encik Shaqhroni Mohd Yusoff @ Jamaludin  
Ketua Jabatan Landskap, MPSP
- iv. LAr. Abdul Aziz Othman  
Ketua Jabatan Senibina Landskap  
Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia
- v. Tuan Haji Ahmad Fuad Hashim  
Mantan Pengarah Jabatan Perancangn Bandar, MPSP

Ribuan terima kasih diucapkan kepada barisan panel juri dalam mengadili penyertaan SSSPP Awards 2016.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Seterusnya, pada hari ini juga akan diadakan majlis penyampaian sijil penghargaan kepada agensi dan syarikat yang telah menjalinkan kolaborasi bagi menjayakan Butterworth Fringe Festival 2016 yang telah diadakan pada 13 dan 14 Ogos 2016 yang lalu. Dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pengelola Butterworth Fringe Festival 2016 iaitu Encik Joe Sidek yang juga merupakan penganjur George Town Festival. Seterusnya kepada Think City Sdn Bhd yang merupakan rakan kolaborasi utama dalam menjayakan BFF 2016.

Kerjasama dua hala juga telah terjalin antara Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan Think City dalam usaha memangkin semula pertumbuhan bandar Butterworth. Kajian dan perancangan Bandar

Butterworth telah dilaksanakan dengan mewujudkan Pelan Butterworth Baharu sebagai satu garis panduan bagi pembangunan semula bandar. Pelan ini diharapkan membawa perubahan dan penambahbaikan yang dinamik di bandar Butterworth. Sesungguhnya matlamat yang dikongsi oleh MPSP dan Think City adalah sama iaitu untuk meneruskan kesinambungan budaya, kerancakkan ekonomi dan pembangunan lestari untuk didiami.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Butterworth Fringe Festival 2016 telah disokong oleh rakan kolaborasi iaitu Polis Diraja Malaysia Cawangan Seberang Perai Utara, Balai Bomba Dan Penyelamat Cawangan Seberang Perai Utara, Pejabat Penyiaran Kedah di bawah Jabatan Penyiaran Malaysia, Pejabat Penyiaran Pulau Pinang di bawah Jabatan Penyiaran Malaysia Pulau Pinang, RAPID Bus Sdn Bhd, ECO World Development Group Berhad, Sunway Bintang Sdn Bhd, Tambun Indah Land Bhd, HUNZA Land Corporation Sdn Bhd, OSK Property, Belleview Property Services Sdn Bhd, Star Sanctuary Land Sdn Bhd, IJM Land Berhad, AMBR Engineering, NAZMO Sdn Bhd, Perfect Universe Sdn Bhd, AR Bina Mutiara Sdn Bhd, Warisan Ambang Jaya Bina Sdn Bhd, Langkah Wawasan Enterprise, Teroka Handal Sdn Bhd, Syarikat Sri Lanang, TPJ Engineering Sdn Bhd, IXORA Hotel, The Light Hotel, Sunway Hotel,

Cemara Binajaya (M) Sdn. Bhd dan PLB Eco Solutions Sdn Bhd.  
Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada kepada rakan kolaborasi yang terlibat dalam menjayakan penganjuran *Butterworth Fringe Festival 2016*.

Harapan saya, semoga hubungan kerjasama yang terjalin akan berterusan dengan lebih erat lagi dalam program-program akan datang.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih